

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN GHAFAR BABA
,MASJID TANAH, MELAKA
Tarikh : 3 OGOS 2004
Tajuk : UCAPTAMA BERTAJUK "HALA TUJU DASAR LUAR NEGARA"
SEMPENA SAMBUTAN BULAN PATRIOTISME 2004

Yang Berhormat,
Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri

Y.Berusaha, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai
Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Melaka

Y.Berusaha, Pengetua-Pengetua dan Guru-Guru Besar
Sekolah-Sekolah di Negeri Melaka

Y. Berusaha, Datin Hajjah Salmiah Sulaiman,
Selaku Tuan Rumah dan Pengetua SMK Ghafar Baba

Para Guru, Ibubapa dan pelajar,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama di majlis pada pagi yang mulia ini.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datin Hajjah Salmiah Sulaiman, Pengetua SMK Ghafar Baba, yang telah sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucap tahniah, mengenai Hala Tuju Dasar Luar Negara sempena Sambutan Bulan Patriotisme 2004 ini. Semoga semua yang hadir, mendapat sedikit sebanyak pendedahan tentang apakah yang dimaksudkan dengan dasar luar, kepentingannya dan isu serta cabaran yang dihadapi oleh negara.

3. Memandangkan skop tajuk ini begitu luas, izinkan saya memulakan taklimat ini dengan memberi sedikit latar belakang mengenai dasar luar negara kita. Ini akan diikuti dengan perbincangan beberapa isu-isu semasa yang berkepentingan kepada negara.

DASAR LUAR NEGARA

4. Secara amnya, asas dasar luar Malaysia adalah lanjutan kepada dasar domestik negara, yang disediakan untuk melindungi dan menjaga kepentingan Malaysia dari segi politik, ekonomi, keamanan, keselamatan dan kepentingan-kepentingan lain.

Dasar luar kita adalah berdasarkan kepada prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara dan wilayah serta tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara lain. Kita juga mendokong prinsip penyelesaian sengketa dan kewujudan bersama secara aman (non-confrontational) serta saling memberi faedah bersama kepada semua pihak dalam hubungan dua hala dan pelbagai hala. Yang jelasnya, kita mahu berbaik-baik dengan semua negara.

5. Pendirian dan pelaksanaan dasar luar negara kita juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti geografi, sejarah, sosial dan politik. Pengaruh kepentingan alam sekitar dan perhubungan juga kini semakin penting. Ini menjadi lebih ketara dengan meningkatnya arus globalisasi dan revolusi ICT. Namun, apa jua pengaruh dan faktor yang kita ambil kira untuk membentuk dasar luar negara, objektif kita tetap sama, iaitu menjaga kepentingan Malaysia seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi.

6. Dalam pelaksanaan dasar luar, penyesuaian juga dilakukan mengikut keadaan semasa, tanpa mendatangkan implikasi negatif terhadap pencapaian matlamat negara. Yang menjadi asas utama adalah, dasar luar kita adalah satu dasar yang berprinsip konsisten dan pragmatik. Mungkin adakalanya, dalam menangani sesuatu isu, kita bersuara dengan agak lantang, sehingga dikritik. Namun, Malaysia tidak pernah serik berjuang untuk mempertahankan pendirian kita.

7. Semenjak menjadi Menteri Luar, yang kini telah memasuki tahun keenam saya, saya berani menyatakan bahawa sebagai sebuah negara membangun, yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan agama, kita telah dapat menzahirkan satu dasar luar yang kukuh dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Justeru itu, tindakan dan perlakuan kita di arena antarabangsa, sentiasa mendapat perhatian ramai, malahan, tidak keterlaluan kalau saya katakan di sini, bahawa banyak negara-negara membangun dan maju yang lain kagum dengan ketegasan dan kebolehan Malaysia memperjuangkan, tidak sahaja hak negara sendiri, tetapi secara tidak langsung kepentingan negara-negara membangun yang lain.

8. Dalam keadaan dunia yang sentiasa bergolak dan dengan timbulnya berbagai isu baru yang perlu ditangani, kita tidak boleh leka. Kita di Kementerian Luar Negeri, sentiasa memantau perkembangan di peringkat antarabangsa dan menganalisa maklumat-maklumat yang di perolehi, bagi membantu kerajaan mengambil langkah yang bersesuaian, apabila berhadapan dengan sesuatu isu atau cabaran. Sehubungan ini, adalah penting untuk kita meningkatkan kesedaran masyarakat tentang dasar luar negara. Dengan kesedaran ini, rakyat akan faham apabila kerajaan mengambil sesuatu tindakan terhadap sesuatu perkara.

9. Bagi saya, sebagai Menteri Luar Negeri, kefahaman rakyat terhadap pelaksanaan dasar luar, boleh membantu melicinkan lagi tugas-tugas saya. Tambahan pula, pada masa kini, dengan pelbagai cabaran dan isu yang timbul, sokongan padu rakyat adalah mustahak. Umpamanya, sebagai sebuah negara Islam, yang kini dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), banyak tanggungjawab yang perlu

saya lakukan di peringkat antarabangsa di samping tugas lain di dalam konteks hubungan dua hala dan pelbagai hala.

10. Kita akan menyambut ulang tahun Kemerdekaan negara kita kali ke 47 pada 31 Ogos ini. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan dan memerintah sendiri bumi tercinta dan bertuah ini sejak 1957, amalan dasar luar negara kita sememangnya telah banyak memberi manfaat kepada negara. Dasar luar yang pragmatik dan berlandaskan kepada keperluan serta kepentingan negara, telah menghasilkan sebuah negara Malaysia yang pesat membangun, dihormati serta disegani dunia luar.

11. Hari ini, kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju dunia. Kita bebas dan bermaruah. Kita tidak rasa tersisih ataupun diketepikan oleh masyarakat dunia dan suara kita terus didengar di persada antarabangsa. Tanpa dasar luar yang mantap, Malaysia mungkin telah lama hanyut, hidup mengikut telunjuk kuasa-kuasa besar. Sehubungan itu, penting bagi pengubalan dasar luar negara mencerminkan keadaan dan keperluan dalaman negara.

12. Secara ringkas, objektif-objektif dasar luar negara antara lain, adalah:

- i) untuk menjaga, mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia di arena antarabangsa;
- ii) menjaga dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan Malaysia;
- iii) mempertahankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan wilayah melalui dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara lain;
- iv) menangani perkembangan dan cabaran politik, ekonomi, keselamatan dan sosial di peringkat antarabangsa;
- v) mempertahankan dan memajukan hak, kepentingan dan aspirasi Malaysia dalam semua bidang;
- vi) memupuk hubungan baik serta meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain;

13. Objektif dasar luar adalah untuk memastikan yang rakyatnya hidup di dalam sebuah negara yang maju, aman dan makmur. Dunia masa kini tidak lagi membolehkan mana-mana negara wujud terasing dan bersendirian. Dunia dalam era globalisasi ini, memaksa kita menerima hakikat bahawa kita merupakan sebahagian daripada rantau dunia yang luas. Kita sedar bahawa, sesuatu yang berlaku di negara yang jauh di dunia sebelah sana, masih boleh mengganggu gugat kesejahteraan kita di sebelah sini, baik dari segi politik atau ekonomi.

14. Adalah amat malang sekiranya kita membiarkan hala tuju negara ditetapkan oleh pihak asing. Kita harus berupaya menangani isu-isu yang timbul dan meminimumkan pendedahan kepada ketidakstabilan dan ketidakpastian. Di dalam hal ini, adalah penting untuk mempunyai dasar luar negara yang pro-aktif dan bervisi, bagi menjamin kepentingan dan kedaulatan negara.

15. Dasar luar negara kita telah melalui proses evolusi yang dinamik, yang mempamerkan keadaan dan keperluan semasa, juga corak pemerintahan Perdana Menteri pada masa itu. Semenjak YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dilantik menjadi Perdana Menteri yang kelima pada 31 Oktober 2003, kita dapat melihat dasar-dasar yang sedia ada terus diguna pakai, diperhalusi dan dimantapkan lagi. Respons, pendirian dan pandangan yang diberikan oleh Malaysia dalam menangani pelbagai cabaran dan masalah di peringkat antarabangsa, terus menampakkan kematangan, ketelusan dan pragmatik. Pendekatan dan dasar masih sama, namun bentuk dan caranya mungkin berbeza bersesuaian dengan personaliti YAB Perdana Menteri kita.

16. Ini jelas membuktikan bahawa Malaysia telah menyedari betapa pentingnya untuk negara memainkan peranan yang pro-aktif di arena antarabangsa, sejak dari merdeka lagi. Malaysia kini tidak lagi segan atau kuarir untuk menyuarakan pemikirannya kepada dunia luar. Bahkan, kita menanam semangat dan bertekad untuk mengutarakan serta mempertahankan kedudukan negara apabila perlu dan sebaik mana mungkin.

KEPENTINGAN NEGARA

17. Kesemua negara di dunia mempraktikkan premis perlanjutan kepentingan negara dalam penggubalan dasar luarnya. Bagi Malaysia, sebarang usaha dan langkah yang kita ambil, perlulah berpandukan dan selaras dengan objektif, untuk menjamin keselamatan dan kemakmuran negara serta menentukan keamanan di rantau Asia Tenggara terus berkekalan. Harus ditekankan bahawa kepentingan negara kita sebenarnya amat meluas dan tidak hanya tertakluk kepada isu keamanan dan keselamatan semata-mata bahkan melibatkan juga kegiatan ekonomi negara.

18. Dunia yang kita hidup sekarang amat jauh berbeza dengan semasa kita baru mencapai kemerdekaan. Dunia globalisasi masa kini memerlukan kepantasan dan kemudahan untuk mendapatkan sumber maklumat. Aliran modal antarabangsa dan operasi syarikat-syarikat antarabangsa kebanyakannya melintasi persempadanan sesebuah negara. Negara-negara maju dan kuasa besar telah mula kehilangan sebahagian dari kebebasan kuasa mereka. Kita sekarang hidup dalam dunia di mana terdapat kurangnya kawalan dan lebih kebebasan.

19. Menyedari betapa pentingnya untuk negara terus maju dan produktif, Kerajaan mengamalkan dasar ekonomi terbuka dan bercorak antarabangsa. Sebagai sebuah negara dagang, Malaysia perlu menjalin hubungan baik dengan dunia luar. Malaysia harus terus aktif dan sentiasa berwaspada bagi memastikan kepentingannya tidak tergugat. Kedaulatan negara merupakan tunggak utama sistem perhubungan antarabangsa.

20. Oleh itu, pengendalian dasar luar negara perlulah mencerminkan keadaan yang sedemikian rupa. Namun, kita akur bahawa Malaysia sebuah negara kecil dan walaupun suara kita lantang terdengar di persada antarabangsa, Malaysia perlu bekerjasama dengan negara-negara dunia lain dalam usaha mengutarakan kedudukan kita berasaskan kepentingan negara.

KERJASAMA ASEAN

21. ASEAN merupakan sebuah pertubuhan serantau yang dianggotai oleh 10 buah negara di rantau Asia Tenggara. Ianya diiktiraf oleh masyarakat dunia kerana telah berjaya membawa keamanan, kemakmuran serta kemajuan ekonomi yang pesat kepada kesemua anggotanya. Walaupun ada ketikanya, anggota ASEAN tidak sentiasa sehaluan, kita tidak boleh membelakangkan ASEAN. Ia harus terus menjadi tunggak kesejahteraan dan kemakmuran rantau ini. ASEAN tetap merupakan satu kewujudan yang sangat penting bagi rantau Asia Tenggara.

22. Semenjak penubuhannya, ASEAN telah berkembang pesat dan berpotensi untuk meraih kejayaan yang lebih lagi dalam bidang politik dan ekonomi. Pandangan jauh pengasas ASEAN yang sepakat dalam hasrat memajukan ekonomi negara-negara anggota melalui kestabilan politik dan penyelesaian masalah secara aman telah terbukti kesahihannya. ASEAN telah berjaya meraih dividen besar – iaitu keamanan dan kestabilan rantau. Tidak terdapat konflik dalam erti kata penggunaan ketenteraan untuk menyelesaikan masalah dua hala sesama negara-negara ASEAN mahupun dengan negara-negara jiran yang lain.

23. Bagi Malaysia, ASEAN akan sentiasa menjadi tunggak dasar hubungan luar Malaysia. Pada masa ini, Malaysia berusaha gigih untuk menjayakan kerjasama ASEAN+3. Kerjasama ini adalah di antara ASEAN, Korea, Jepun dan China. Malaysia amat berpuas hati dengan evolusi kerjasama ini dan berharap agar kerjasama ini dapat dikukuhkan lagi. Ini bagi membolehkan ASEAN+3 mencapai matlamat utamanya iaitu pembentukan sebuah Komuniti Asia Timur (East Asia Community). Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN pada November 2005 dan juga Pengerusi ASEAN bagi penggal 2005 – 2006, akan terus mengambil langkah dan peranan utama dalam menjayakan apa jua matlamat yang ingin dicapai, selaras dengan objektif penubuhannya dan dasar luar negara.

GLOBALISASI

24. Kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi serta kemajuan sistem penerbangan telah menjadikan dunia semakin kecil. Ada pihak beranggapan bahawa, Malaysia tergolong dalam kumpulan yang dianggap menentang globalisasi, akibat dasar yang diambil oleh Malaysia dalam isu spekulasi mata wang dan sikap Malaysia menentang penyangak mata wang dalam krisis kewangan yang melanda Asia beberapa tahun yang lalu.

25. Malaysia sebenarnya menyokong penyaluran pelaburan dari negara maju ke negara membangun tanpa sekatan. Yang kita kawatir, adalah cubaan membawa globalisasi ke satu tahap yang boleh menghakis kebebasan sesebuah negara berdaulat untuk membuat keputusan sendiri dalam melaksanakan agenda negaranya. Malaysia ingin melihat perdagangan yang adil dan memberi manfaat kepada semua warga dunia, baik negara kaya mahupun negara miskin, bukannya perdagangan yang bebas tanpa batas.

26. Sama ada sedar atau tidak, rakyat Malaysia sebenarnya sedang mengharungi arus globalisasi ini. Arus ini akan terus mencorakkan struktur ekonomi dan sosial rakyat Malaysia di masa hadapan. Justeru, kita perlu lebih prihatin dan peka kepada cabaran serta peluang yang dibawa arus globalisasi ini.

27. Di peringkat antarabangsa, Malaysia bersama-sama dengan negara yang sehaluan, terus memperjuangkan kerjasama pembangunan ekonomi dalam pelbagai sektor. Kita sering menggesa agar dipertingkatkan bantuan kepada negara kurang membangun, penurunan kadar hutang, pemindahan teknologi, pengurangan jurang digital dan kaedah perdagangan yang adil. Kesemuanya ini adalah bertujuan untuk mengurangkan perbezaan di antara negara kaya dengan negara miskin.

28. Malaysia mengamalkan dasar memakmurkan jiran (prosper thy neighbour) bagi menggalakkan kerjasama ekonomi di antara Malaysia dengan negara-negara jiran. Malaysia akan terus mencari kerjasama perdagangan melalui perkongsian pintar (smart partnership) dengan negara-negara lain demi keuntungan bersama.

KEGANASAN

29. Peristiwa serangan 11 September pada tahun 2001 ke atas Amerika Syarikat, telah meninggalkan kesan mendalam kepada seluruh penduduk dunia. Malaysia menyertai negara-negara lain dalam mengutuk keganasan kerana ia bukan cara untuk menyelesaikan masalah. Kita tidak menafikan bahawa terdapat banyak ketidakadilan di dunia dan ini perlu diperbetulkan. Tetapi, ia hendaklah diusahakan melalui tindakan-tindakan yang tidak menjadikan orang yang tidak bersalah sebagai mangsa.

30. Jika kita tidak ingin melihat tindakan keganasan, dunia hendaklah sensitif dan memberi perhatian kepada ketidakadilan dan penindasan yang sedia berlaku. Keganasan tidak mungkin dihapuskan dengan hanya memburu dan membunuh pengganas. Serangan di Bali, Indonesia, di Casablanca, Maghribi dan di Riyadh, Arab Saudi baru-baru ini membuktikan bahawa keganasan akan terus menular. Selagi ada penindasan dan penaklukan satu-satu kaum oleh kaum yang lain, akan ada orang yang terdesak dan akan sanggup mengganas.

31. Bagi golongan yang ekstrem, salah satu dorongan utama untuk mengganas adalah sebagai respons kepada tindak tanduk Israel (yang disokong Amerika Syarikat) menyerang rakyat Palestin. Selagi sempadan Israel tidak ditentukan dan wilayah Palestin yang dirampas oleh Israel tidak dikembalikan, selagi hasrat Palestin untuk menubuhkan negaranya sendiri tidak kesampaian, keganasan tidak mungkin luput.

32. Dalam dunia dicengkam keganasan, kita harus bersyukur bahawa Malaysia terus diakui oleh banyak negara dan pelbagai pihak sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh kepada kesederhanaan ajaran Islam yang sebenar. Imej Islam yang diserang dan diburuk-burukkan, dapat dipulih sedikit sebanyak dengan melihat kestabilan, keharmonian antara kaum dan penganut agama yang berlainan serta kemajuan yang dicapai dan dibuktikan seperti di Malaysia. Kita dapat membuktikan bahawa Islam dan demokrasi tidak semestinya bercanggah.

33. Rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat perlu menghargai keadaan yang terdapat di negara kita. Kestabilan dan kemajuan negara kita dicapai melalui dasar, perancangan dan usaha yang mengambil kira sensitiviti pelbagai kaum yang berlainan di negara ini. Faktor-faktor seperti keadaan sumber manusia dan sumber alam, sejarah, geografi, ekonomi dan sosial akan terus menjadi landasan dan panduan sebelum sesuatu langkah diambil.

PENCEROBOHAN AMERIKA SYARIKAT DAN SEKUTUNYA KE ATAS IRAQ

34. Izinkan saya untuk memanjangkan isu keganasan dengan menyentuh mengenai pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq. Hadirin sedia maklum bahawa Malaysia menentang pencerobohan Amerika Syarikat tersebut, berpandukan prinsip undang-undang antarabangsa dan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

35. Kita tidak mahu melihat badan dunia itu diperkecil dan dibelakangkan dalam hal keamanan dan sekuriti antarabangsa. Malaysia berpegang kepada prinsip penyelesaian sebarang pertikaian secara aman dan menentang sebarang tindakan bersendirian (unilateral). Serangan pencegahan (pre-emptive) Amerika Syarikat telah mengakibatkan terjejasnya hubungan antara pelbagai negara. Sehubungan ini, saya ingin menarik perhatian hadirin sekalian kepada beberapa kesan penting berhubung pencerobohan Amerika Syarikat tersebut.

Kesan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

36. Pencerobohan ke atas Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya telah menyebabkan perpecahan antara anggota-anggota masyarakat antarabangsa. Keadaan ini telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap PBB, prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa dan sistem multilateral yang selama ini menjadi tunjang hubungan antara negara. Sekiranya berlarutan, perkembangan di atas akan membawa kepada ketidakstabilan sistem antarabangsa, dan ini akan membawa

kesan buruk kepada negara-negara kecil seperti Malaysia yang bergantung kepada undang-undang antarabangsa sebagai jaminan keselamatan dan kesejahteraan, baik dari segi politik, ketenteraan mahupun ekonomi. Lebih mengecewakan, PBB dikatakan tidak lagi efektif dan relevan kerana kuasa-kuasa besar boleh berbuat apa sahaja.

Kesan terhadap Usaha Menentang Keganasan Antarabangsa

37. Pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya juga telah memberi kesan negatif terhadap usaha Amerika Syarikat sendiri dan masyarakat antarabangsa untuk menentang keganasan antarabangsa. Walaupun pada peringkat kerajaan, usaha akan tetap dijalankan seperti biasa, namun kesan negatif akan dirasai pada tahap masyarakat awam, terutamanya di Asia Barat. Sungguh pun demikian, Kerajaan mahukan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat dalam hal ini berjalan seperti biasa.

Kesan Terhadap Sekatan Ke Aras Iraq

38. Amerika Syarikat kini sedang melobi anggota Majlis Keselamatan PBB untuk meluluskan satu resolusi membatalkan kesemua sekatan terhadap Iraq. Walau apa jua bentuk pemerintahan pasca perang Iraq kelak, Amerika Syarikat dijangka akan mendapat 'habuan' yang besar memandangkan pengaruh Amerika Syarikat dan firma-firma Amerika Syarikat bersama sekutunya dijangka memonopoli konsesi dalam bidang minyak dan gas. Malaysia mahukan PBB diberi peranan utama dalam membaik pulih negara tersebut. Kita juga tidak mahu peranan PBB itu dilihat sebagai mengiktiraf pencerobohan Amerika Syarikat ke atas Iraq. Malaysia mahukan pembatalan sekatan terhadap Iraq dilakukan berlandaskan prosedur PBB yang sedia ada.

Reaksi Amerika Syarikat terhadap Malaysia

39. Saya ingin menyatakan bahawa pihak Amerika Syarikat sedia maklum akan pendirian Malaysia dalam isu pencerobohannya ke atas Iraq. Semasa YAB Perdana Menteri membuat lawatan rasmi ke Washington bulan lepas, beliau telah pun menyuarakan dan menyampaikan kepada Presiden Bush akan pendirian Malaysia tentang beberapa isu, termasuklah isu Iraq, Palestin dan isu peperangan ke atas keganasan. Kita juga telah memaklumkan Malaysia bersedia mengambil bahagian dalam proses pemulihan semula Iraq dengan menawarkan untuk menghantar pasukan perubatan kita ke Iraq, bagi membantu meringankan penderitaan rakyatnya, sekadar yang kita mampu.

40. Malaysia sememangnya mengalu-alukan pemindahan kuasa dan kedaulatan kepada Kerajaan Sementara Iraq daripada Pemerintahan Tentera Amerika Syarikat yang telah diadakan pada 28 Jun 2004. Malaysia berharap keadaan ini akan kemudian membuka jalan kepada pemindahan sepenuhnya pemerintahan untuk menubuhkan sebuah negara Iraq yang merdeka dan berdaulat. Malaysia juga

menyambut baik pemindahan pemerintahan ini, oleh kerana ianya satu langkah yang dapat mengembalikan maruah dan kedaulatan kepada rakyat Iraq. Kita seharusnya terus mendoakan agar keamanan dan kestabilan dapat dipulihkan dan dinikmati kembali oleh rakyat Iraq.

KESIMPULAN

41. Dasar dan hala tuju hubungan luar Malaysia setelah hampir setengah abad merdeka jelas menunjukkan kematangan. Kita tidak memihak kepada mana-mana blok negara, tetapi kita berbaik-baik dengan semua negara di dunia. Malaysia kini dikenali ramai dan dijadikan sebagai contoh bagi negara membangun. Negara-negara yang sedikit masa dulu mencemuh kita kerana kononnya kita tidak demokratik, tidak adil dan sebagainya, hari ini berusaha memperbaiki hubungan mereka dengan kita.

42. Saya telah menggariskan sebahagian besar dari cabaran serta prospek yang dihadapi oleh Malaysia di arena hal ehwal antarabangsa. Jalan penyelesaian kepada permasalahan tersebut bukan sahaja terletak di tangan para diplomat dan pegawai Kerajaan semata-mata. Keberkesanan pengaruh Malaysia di arena antarabangsa juga bergantung kepada kekuatan dan pengaruh politik, ekonomi dan ketenteraan negara. Kita semua bertanggung jawab dan harus memainkan peranan. Paling penting, dalam mempertahankan dasar luar negara, kita hendaklah berpandukan kepada kepentingan nasional dan strategik negara. Dalam masa yang sama, beberapa prinsip yang tertentu dan pendirian yang pragmatik adalah diperlukan, memandangkan perubahan-perubahan yang berlaku di arena antarabangsa.

43. Selain daripada itu, kita juga jangan lupa bahawa kemerdekaan, kebebasan, globalisasi, demokrasi dan hak asasi manusia kesemuanya mempunyai peranan untuk mencorakkan hubungan antarabangsa kerana negara-negara sekarang adalah saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Kita sama-sama mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk memacu negara ke arah kecemerlangan, gemilang dan terbilang.

44. Dengan lafaz, BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHHIM, saya dengan ini merasmikan, Sambutan Bulan Patriotisme 2004 ini.

Sekian.

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Terima kasih.